



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 03/09

MAJLIS PENUTUP EKSESAIS STARLIGHT 2023
DAN PENYERAHAN ASET FAST

Kuala Lumpur, 28 September 2023 – Eksesais STARLIGHT 2023 telah diadakan di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur bermula 23 hingga 28 September 2023. Eksesais ini bertujuan untuk mengukur tahap kesiagaan, aturgerak dan pelaksanaan pengoperasian Hospital Medan Tahap 3. Eksesais ini berkonsepkan *Field Training Exercise* (FTX) Bantuan Perkhidmatan Kesihatan Medan dan pengoperasian Hospital Medan dalam peperangan konvensional, bencana alam dan persekitaran CBRNE (bahan kimia, biologi, radiologi, nuclear, dan letupan tinggi).

Turut berlangsung adalah penyerahan aset *Forward Anesthesia Surgical Trauma* (FAST) oleh Markas Pemerintahan Indo-Pasifik Amerika Syarikat (USINDOPACOM) kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah diserahkan oleh Kuasa Usaha Kedutaan A.S. Manu Bhalla kepada YBhg Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD). Aset FAST ini telah pun digunakan dan telah berjasa di dalam pengoperasian Hospital Medan Malaysia semasa misi bantuan kemanusiaan di Turkiye. 52 item aset FAST ini merupakan peralatan perubatan yang digunakan untuk menjalankan pembedahan pesakit yang memerlukan bius penuh dan bius separuh.

Demonstrasi pemindahan dan pengendalian kasualti *Forward Surgical Team* (FST) oleh pasukan 2 Batalion Ubat melalui pesawat udara EC725 dari 10 Skuadron Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) dengan membawa pesakit ke Hospital Medan yang dioperasikan di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kuala Lumpur telah dilaksanakan pada hari ini. Latihan ini bertujuan untuk mempamerkan keupayaan Hospital Medan Tahap 3 dan menguji kemahiran dan keupayaan pegawai dan anggota dalam perancangan, penganalisaan dan pelaksanaan Bantuan Perkhidmatan Kesihatan Medan bagi menyokong operasi Angkatan Tentera Malaysia. Demonstrasi ini disaksikan delegasi Persidangan *Indo-Pacific Military Health Exchange* (IPMHE) 2023.

Para jemputan seterusnya dibawa melawat ke Hospital Medan yang menempatkan ruang kemudahan peralatan simulasi untuk melatih anggota perubatan ATM bertindak pantas dan tepat dalam memberi rawatan kecemasan kepada pesakit semasa bencana yang melibatkan bilangan kasualti yang ramai. Di antara Jabatan yang terdapat di dalam Hospital Medan adalah *Casualty Evacuation Unit* (CEU), Balai Pengawal, *Ops Room*, Pesakit Luar, *Triage*, *Resus*, *Radiology*, Makmal, Bilik Bedah, CSSD, ICU, Wad, *Dental*, *Medical Store*, *Mortuary*, Dewan makan, Dapur masak, Penginapan anggota, *Laundry*, *Oxygen Generator*, *Military Transport*, dan *Generator*.

Turut diadakan adalah upacara menanggalkan toha sempena Majlis Penutup Eksesais STARLIGHT 2023. Upacara menanggalkan toha telah disempurnakan oleh YBhg Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Timbalan Panglima Tentera Darat kepada Brig Jen Dato' (Dr) Amran bin Amir Hamzah selaku Pengarah Eksesais, Brig Jen (Dr) Mohd Arshil bin Moideen selaku EXCON, Brig Jen (Dr) Mohd Farid bin Alias selaku Ketua SPE, Brig Jen (Dr) Zulfikar bin Abd Rahim selaku Ketua Tim Evaluasi dan Kol (Dr) Mohd Zamri bin Deraman selaku Ketua Pelaku Eksesais.

Untuk sebarang pertanyaan boleh menghubungi **Ajutan Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, Kapt Syahirah Hammiza binti Suhailie** di talian **013-8724835**

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
28 Julai 2023

